

# Pencen dibayar guna amaun asal

## Ketetapan selaras keputusan Mahkamah Persekutuan 27 Jun lalu

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jemaah Menteri dalam mesyuarat semalam memutuskan, pencen dan pencen terbitan untuk pesara kerajaan bagi Julai hingga Disember 2023 dibayar menggunakan amaun pencen asal.

Ketetapan itu selaras dengan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 27 Jun lalu, yang memutuskan bahawa Seksyen 3 dan 7 Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2013 [Akta A1447] adalah tidak sah dan undang-un-

dang sebelum pindaan adalah terpakai dengan sendirinya bagi tujuan penyelarasan pencen.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata bagi pegawai awam yang bersara sebelum 2013, bayaran pencen dikembalikan kepada amaun pada Disember 2012, manakala bagi pegawai awam yang bersara mulai 2013, bayaran pencen dikembalikan kepada amaun asal semasa bersara.

“Perbezaan amaun pencen semasa dengan amaun pencen asal akan dibayar dalam bentuk bantuan khas yang dinamakan Penghargaan Khas Kepada Pesara (PKKP) bagi menjadikan amaun yang diterima oleh pesara sama seperti amaun pencen semasa iaitu amaun pencen pada Jun 2023,” katanya dalam kenyataan, semalam, tanpa menyebut jumlah keseluruhan yang perlu dibayar kerajaan.

Perdana Menteri berkata, selaras keputusan itu kerajaan ju-

ga akan mengkaji semakan gaji perkhidmatan awam dan ia akan turut membabitkan pesara perkhidmatan awam.

“Penyelarasan pencen akan dilaksanakan mengikut peraturan kenaikan yang ditetapkan selaras dengan Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238).

“Hasil keputusan ini diharapkan dapat memberikan impak positif kepada kakitangan awam, pesara perkhidmatan awam dan kerajaan.

“Kerajaan sentiasa menghargai sumbangan pesara semasa berkhidmat dan prihatin dengan kebajikan pesara dalam situasi ketika ini,” katanya.

Pada 27 Jun lalu, Mahkamah Persekutuan memutuskan pindaan terhadap Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 kurang memberi manfaat kepada pesara perkhidmatan awam, justeru mengisytiharkannya sebagai terbatal dan

tidak sah.

Panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan sebulat suara turut memutuskan bahawa peruntukan itu yang membenarkan kenaikan kadar rata sebanyak dua peratus setiap tahun, bercanggah Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan (perlindungan hak pencen) berbanding Akta Pelarasan Pencen 1980 sebelum itu.

Mahkamah memutuskan pindaan kepada Seksyen 3 dan 7 menyebabkan responden, Aminah Ahmad seorang pesara penjawat awam di Kementerian Luar mengalami situasi yang kurang memberi manfaat terhadapnya.

“Kami mendapati tiada sebab untuk menyimpang daripada penghakiman Mahkamah Rayuan, oleh itu kami mendapati tiada merit dalam rayuan kerajaan dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam dan dengan ini rayuan ditolak,” katanya.

Aminah memfailkan saman

terhadap kerajaan pada 2017 di atas kapasiti peribadinya dan bagi pihak 56 pesara perkhidmatan awam, mendakwa pindaan kepada Akta Penyelarasan Pencen menyebabkan keadaan yang agak merugikan beliau berbanding skim pelarasan perantara sebelum ini mengikut Akta Pelarasan Pencen 1980.

Di bawah skim lama, pencen pesara disemak berdasarkan gaji lazim penjawat awam dalam gred berkenaan, bagaimanapun pindaan 2013 yang diperkenalkan adalah berdasarkan kadar rata (flat rate) dua peratus kenaikan tahunan.

Pada 13 Januari 2022, Mahkamah Rayuan juga membuat keputusan yang memihak kepada Aminah dan mengisytiharkan pindaan Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 yang berkuat kuasa mulai Januari 2013 adalah terbatal dan tidak sah kerana melanggar Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan.